

27/09/2000

RSC-AP mahu kerajaan Asia-Pasifik bantu wanita miskin

KUALA LUMPUR, Selasa - Jawatankuasa Pemandu Serantau bagi Kemajuan Ekonomi Wanita Desa dan Kepulauan Asia-Pasifik (RSC-AP) mahu kerajaan negara-negara anggota menyegerakan pelaksanaan program untuk membantu wanita miskin.

Pengerusi RSC-AP, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata jawatankuasa itu akan meneruskan usaha bagi menangani isu-isu kritikal mengenai wanita desa dan kepulauan di negara-negara anggota.

"Kebimbangan utama kami ialah bagi membaiki kehidupan mereka yang malang, mereka yang dieksploitasi, sukar didekati dan kumpulan masyarakat yang kerap dilupakan iaitu wanita desa dan kepulauan," katanya dalam ucapan aluan pada mesyuarat kedua RSC-AP, di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Empat kertas kerja dibentangkan dan Dr Siti Hasmah akan membentangkan kertas kerja khas bertajuk "Konflik Bersenjata dan Kesan Perang Terhadap Wanita" pada hari terakhir persidangan itu, esok.

Dr Siti Hasmah berkata, jawatankuasa itu merancang untuk menjalankan aktiviti pada peringkat rantau kecil mengenai isu-isu penting membabitkan wanita desa dan kepulauan di kawasan masing-masing pada masa depan.

"Kami mesti memastikan semua program sampai kepada sasaran iaitu wanita miskin di kampung-kampung," katanya.

Mengenai mesyuarat itu, beliau berkata peserta akan memberikan tumpuan kepada perancangan bagi meningkatkan tahap kehidupan wanita luar bandar melalui program kredit mikro itu.

Fokus mesyuarat tahun ini adalah untuk meningkatkan usaha melalui perbincangan pelbagai isu, seperti penjagaan kesihatan yang dihadapi oleh wanita luar bandar.

Dr Siti Hasmah adalah seorang daripada pengasas RSC-AP yang akan menamatkan penggal keduanya sebagai pengerusi pada 2001 dan mesyuarat turut membincangkan pengerusi baru.

(END)